KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	UMUM			

Pemuliharaan kepelbagaian biologi perlu jadi urusan kita bersama



Ahli Rundingan Meja Bulat Kepelbagaian Biologi Kebangsaan dan Felo Utama Universiti Kebangsaan Malaysia

Oleh Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo
bhrencana@bh.com.my

Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 diwujudkan sebagai panduan bagi mengurus dan memulihara kepelbagaian biologi negara.

Dasar ini digubal dengan lima matlamat, iaitu memperkasa semua pihak berkepentingan terbabit dalam aktiviti pemuliharaan, mengurangkan tekanan kepada sumber biologi dan menjaga ekosistem, spesies serta sumber genetik penting.

Matlamat lain, perkongsian faedah secara adil dan meningkatkan keupayaan, pengetahuan serta kemahiran semua pemain utama. Dasar ini lengkap dan menyeluruh, begitupun, tindakan untuk melaksanakan masih terbatas.

Bagi menasihati kerajaan untuk melaksanakan dasar ini, sebuah pasukan Rundingan Meja Bulat dianggotai 20 ahli mewakili akademia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ketua masyarakat dan pihak swasta diwujudkan.

Pasukan ini diketuai Prof Emeritus Tan Sri Zakri Abdul Hamid, seorang tokoh tersohor pada peringkat global dalam bidang kepelbagaian biologi dan pernah menjadi Penasihat Sains kepada Perdana Menteri.

Kami membuat mesyuarat pertama pada 9 Disember lalu, maka bermulalah satu era pembinaan jalinan sains dan dasar (*science policy interface*) dalam pengurusan sumber kepelbagaian biologi negara.

Beberapa kertas kerja pengukuhan dibentangkan. Antaranya, Status dan Hala Tuju Dasar Kepelbagaian Biologi Negara oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Pendekatan Operasi Meja Bulat bagi memastikan kumpulan ini bebas serta berautonomi apabila memberikan pandangannya.

Beberapa kertas susulan ialah Kehilangan Kepelbagaian Biologi Kritikan Negara; Rakan Kongsi Awam dan Swasta dalam Pengurusan Kepelbagaian Biologi serta Pelantar Malaysia untuk Perniagaan dan Kepelbagaian Biologi. Semua kertas ini diulas dan diperakui untuk pelaksanaan.

Beberapa ahli Rundingan Meja Bulat ialah pakar kepelbagaian biologi tersohor negara, mempunyai pengalaman luas dan kini bersara dari institusi universiti serta pusat penyelidikan.

Antaranya, Prof Emeritus Datuk Abdul Latiff Mohamad, Datuk Dr Saw Leng Guan dan Dr Francis Ng. Malaysia antara negara mega-kepelbagaian biologi, tetapi usaha meneroka dan mengenali khazanah ini amat terbatas.

Pakar veteran ini kelihatan bimbang seperti tiada pelapis untuk menjalankan penyelidikan fundamental, khususnya kerja taksonomi bagi menentukan spesies baharu dan faedahnya untuk negara bagi kelangsungan kehidupan.

Pendekatan pengajian di universiti tempatan yang memberikan tumpuan kepada menghasilkan sumber insan untuk dunia pekerjaan nampaknya kurang membantu.

Saya dijemput menjadi ahli, mungkin kerana pengalaman membangun geopark global dan nasional. Geopark ialah wilayah landskap geologi istimewa yang meraikan pemuliharaan warisan tabii (kepelbagaian geologi dan biologi) dan budaya secara terintegrasi, sambil memakmurkan komuniti setempat.

Kini dunia mempunyai 169 geopark global, sementara Malaysia pula mempunyai sebuah geopark global dan tujuh geopark kebangsaan. Pendekatan pemuliharaan warisan secara terintegrasi boleh membantu meningkatkan keupayaan negara memulihara kepelbagaian biologi.

Dalam perbincangan awal, beberapa idea bernas dibincangkan. Antaranya, pewujudan Akta Kepelbagaian Biologi Negara yang menjadi mekanisme pelaksanaan mandatori bagi membolehkan usaha pemuliharaan kepelbagaian biologi penting diinstitusikan dalam kalangan semua pihak berkepentingan.

Bagi menghindar kehilangan kepelbagaian biologi kritikal, kami membincangkan saranan membangun Pelan Tindakan Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan ialah menyediakan Senarai Merah Kebangsaan yang rasmi mengenai fauna dan flora.

Saranan lain, mengenal pasti sistem sokongan institusi dan pakar untuk menilai tahap pemuliharaan dan mengukuhkan protokol pemuliharaan serta memperkukuh keupayaan pakar taksonomi tumbuhan dan haiwan.

Begitu juga, membangun pelan pemuliharaan dan pemulihan untuk spesies yang dikelaskan sebagai terancam dan sangat terancam.

Hakikatnya, pemuliharaan kepelbagaian biologi adalah urusan semua pihak berkepentingan, bukan sahaja kerajaan, tetapi golongan peniaga dan pengusaha serta komuniti setempat perlu dibabitkan secara terintegrasi dan berkesan.

Cadangan mewujudkan rakan kongsi awam dan swasta untuk menyokong usaha pemuliharaan kepelbagaian biologi adalah suatu langkah bijak. Pelantar Rakan Kongsi Awam dan Swasta membolehkan pendekatan keseluruhan negara (*whole of nation*) diperkenalkan dan diamalkan.

Satu daripada projek awalan disarankan ialah Pendekatan Landskap Kehidupan (*Living Landscape Approach*), iaitu pengurusan landskap penting berasaskan konsep pemuliharaan, pengeluaran dan penambahbaikan. Ini mirip dengan wawasan geopark, cuma bezanya ia berfokus kepada kepelbagaian biologi.

Saya tertarik kepada cadangan dunia korporat memperkenalkan Pelantar Malaysia untuk Perniagaan dan Kepelbagaian Biologi. Terdapat beberapa perkara yang mendorong keperluan untuk mewujudkan pelantar begini.

Antaranya, tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang ingin bersama negara dan warga bagi menjayakan dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan. Pada masa sama, perniagaan mereka berhadapan tekanan global dan kebangsaan menuntut perkhidmatan serta produk dihasilkan bersifat mesra alam.

Bagi kami, perkhidmatan alam sekitar dinikmati secara percuma perlu dihargai dan batasan keupayaan tampungan dihormati. Pembabitan warga korporat bersama memulihara kepelbagaian biologi perlu diraikan.

Malaysia sebagai negara sedang membangun masih berhadapan beberapa cabaran asas bagi melaksanakan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan secara berkesan. Pertama, dasar pembangunan negara berpaksikan pembangunan ekonomi.

Pertimbangan untuk pertumbuhan, pelaburan asing, pekerjaan dan meningkatkan ekonomi masyarakat masih menjadi agenda keutamaan dan agenda pemuliharaan warisan masih diletakkan di kerusi belakang.

Kedua, hampir 50 peratus guna tanah hutan berada di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Malaysia dan negeri. Kepemimpinan dan penambahbaikan dasar pengurusan hutan masih diperlukan bagi menjayakan agenda kritikal ini.

Ketiga, pemerkasaan kerajaan negeri yang diamanahkan untuk mengurus tanah dan hutan masih memerlukan sokongan padu. Hubungan Persekutuan dengan kerajaan negeri perlu berasaskan keadilan, kepercayaan dan tanggung jawab bersama.

Negara akan kehilangan sumber kepelbagaian biologi yang amat penting untuk kehidupan sejagat jika kita tidak mengambil langkah tepat mulai sekarang.

